



Kenyataan Dasar

2/2024

Tarikh: 30 Disember 2024

Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau

1. Laporan *World Economic Outlook* edisi Oktober 2024 terbitan International Monetary Fund (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global pada kadar 3.2% masing-masing bagi tahun 2024 dan 2025. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini tidak seimbang dengan unjuran yang lebih rendah bagi ekonomi maju, Timur Tengah, Asia Tengah dan Sub-Sahara Afrika manakala jangkaan bagi Amerika Syarikat dan sebahagian besar Asia bertambah baik. Walaupun demikian, IMF menggambarkan prospek yang lebih cerah bagi rantau Asia Pasifik secara keseluruhan, dengan jangkaan ia akan menyumbang sebanyak 60% kepada kadar pertumbuhan global pada tahun 2024, meskipun terdapat beberapa risiko penurunan pertumbuhan berpunca dari pelbagai aspek termasuk ketidakpastian mengenai kekukuhan permintaan global, ketegangan perdagangan dan geopolitik yang berterusan, keadaan cuaca ekstrem yang menyebabkan kerugian ekonomi, kadar pemulihan ekonomi China, serta kesan berlarutan dari pengetatan dasar monetari yang lalu, terutamanya di ekonomi maju Asia.
2. Unjuran inflasi global dijangka terus menurun daripada 5.8% bagi 2024 kepada 4.3% bagi 2025. Kadar inflasi bagi ekonomi maju dan kebanyakan ekonomi Asia telah kembali hampir kepada sasaran inflasi bank pusat masing-masing dan akan memberi ruang untuk pelonggaran dasar monetari selanjutnya. Sejak pandemik COVID-19, terdapat peralihan struktur dalam permintaan global dan serantau daripada barangan kepada perkhidmatan, membawa kestabilan kepada inflasi barangan, manakala inflasi perkhidmatan kekal tinggi termasuk tekanan kenaikan kos pekerja. Ketegangan perdagangan dan geopolitik yang semakin meningkat, serta kejutan harga komoditi dijangka akan terus mendatangkan risiko terhadap prospek pertumbuhan ekonomi global.
3. Harga minyak menurun pada suku ketiga 2024 berikutan ekonomi Amerika Syarikat dan ekonomi China yang lembab. Namun, harga minyak dijangka akan beransur meningkat dengan ketegangan

geopolitik yang meningkat, pemotongan tahap pengeluaran minyak yang berterusan oleh Organisation of the Petroleum Exporting Countries Plus (OPEC+), serta pemulihan permintaan dari China. Sementara itu, harga gas asli telah menunjukkan pemulihan pada suku ketiga 2024 disebabkan permintaan yang lebih tinggi semasa musim panas. Ramalan halatuju harga gas asli adalah tertakluk kepada beberapa factor, termasuk permintaan dan paras inventori gas asli.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

4. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam meningkat pada kadar 6.4% pada H1 2024 berikutan pertumbuhan sektor Minyak dan Gas dan sektor Bukan Minyak dan Gas, masing-masing sebanyak 8.3% dan 4.8%. Pertumbuhan dalam sektor Minyak dan Gas didorong oleh peningkatan aktiviti Perlombongan Minyak dan Gas, dan Pembuatan Gas Asli Cair (LNG) masing-masing sebanyak 7.0% dan 12.9%. Peningkatan sektor Bukan Minyak dan Gas telah didorong oleh pertumbuhan dari pelbagai sektor, khususnya Aktiviti Hiliran (*Downstream Activities*), Pengangkutan Udara, dan Perhubungan.
5. Momentum pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam dijangka akan berterusan sepanjang 2024 dengan pengeluaran Minyak dan Gas yang lebih tinggi, perkembangan sektor Bukan Minyak dan Gas, serta keberhasilan projek-projek pelaburan langsung asing (FDI). Indeks Sentimen Perniagaan (Business Sentiment Index) mencatat 50.1 secara purata, bagi tempoh Januari-Oktober 2024. Ini menunjukkan perniagaan sektor swasta secara amnya mempunyai sentimen optimistik yang rendah terhadap keadaan perniagaan. Perkembangan domestik akan bergantung kepada tahap permintaan, aktiviti perekonomian dalam negeri, dan pelaburan langsung asing. Bagi tahun 2025, terdapat risiko luaran yang boleh menimbulkan cabaran terhadap pertumbuhan, khususnya penurunan harga komoditi dan permintaan yang lebih lemah dari rakan dagangan utama.
6. Selaras dengan tren kadar disinflasi global, inflasi di Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan penurunan pada kadar purata -0.4% tahun-ke-tahun bagi tempoh Januari-Oktober 2024, berbanding peningkatan pada kadar 0.3% tahun-ke-tahun bagi tempoh yang sama pada tahun 2023. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan harga barangan Bukan Makanan seperti Pengangkutan, Pakaian dan Kasut, dan Perhubungan.
7. Kadar inflasi domestik yang kekal rendah juga didorong oleh beberapa faktor termasuk subsidi, kawalan harga bagi sebahagian barangan, dan dasar monetari negara. Kesan dari inflasi yang diimpot ke atas harga domestik adalah terkawal, didukung oleh kesamarataan nilai dolar Brunei

dengan dolar Singapura, dan pengekelan tahap dasar monetari yang dilaksanakan oleh Monetary Authority of Singapore [MAS] pada Oktober 2024. Berdasarkan faktor-faktor di atas serta data Indeks Harga Pengguna [IHP] terkini, BDCB menurunkan unjuran inflasi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2024 kepada lingkungan -0.7% hingga 0.3%.

Perkembangan Sektor Monetari dan Kewangan Negara Brunei Darussalam

8. Selaras dengan perkembangan global dan domestik, dan penurunan kadar pasaran, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari [FMSC] menurunkan Kadar Simpanan Semalaman dan Kadar Pinjaman Semalaman sebanyak 50 mata asas semasa mesyuarat Jawatankuasa tersebut pada bulan September dan November 2024, masing-masing kepada 2.50% dan 3.50%. Ini adalah untuk memastikan operasi monetari BDCB kekal selaras dengan prinsip Lembaga Mata Wang [Currency Board] sambil menggalakkan aktiviti pasaran wang domestik.
9. Pada suku ketiga 2024, sektor kewangan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan Islam dan konvensional telah merekodkan peningkatan aset sebanyak 4.1% tahun-ke-tahun dengan jumlah keseluruhan saiz aset sebanyak BND24.3 bilion. Aset sektor kewangan Islam berjumlah BND14.3 bilion merupakan 58.7% daripada seluruh jumlah aset, manakala sektor konvensional memegang aset sebanyak BND10.0 bilion. Institusi-institusi penerima deposit menyumbang sebanyak 91.5% daripada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan dengan nilai aset sebanyak BND22.2 bilion.
10. Nisbah Kredit kepada KDNK (credit-to-GDP) meningkat daripada 45.0% pada suku ketiga 2023 kepada 49.4% pada suku ketiga 2024 didorong oleh pertumbuhan kredit kepada sektor korporat bagi mendukung perkembangan ekonomi. Walau bagaimanapun, sektor kewangan menghadapi risiko luaran, terutamanya dari ketegangan geopolitik dan kemungkinan perubahan dasar di Amerika Syarikat. Memandangkan Federal Reserve Amerika Syarikat telah mula melonggarkan dasar monetari sejak September 2024, penurunan kadar faedah ini boleh mempengaruhi keuntungan aset sektor kewangan di luar negara.
11. Kedudukan modal industri perbankan pada suku ketiga 2024 kekal kukuh dan berdaya tahan dengan agregat *Capital Adequacy Ratio* [CAR] sebanyak 21.7%. Industri perbankan juga mempunyai aset cair yang mencukupi untuk mendukung aktiviti-aktiviti perantara kewangan dengan Nisbah Aset Cair kepada Aset Keseluruhan sebanyak 43.0%. Jumlah keseluruhan aset industri perbankan meningkat sebanyak 3.2% tahun-ke-tahun kepada BND20.0 bilion disebabkan oleh peningkatan aliran kredit. Jumlah keseluruhan pinjaman/pembiayaan meningkat sebanyak 8.5% tahun-ke-tahun kepada

BND7.4 bilion, disumbang oleh peningkatan kredit kepada sektor korporat. Kualiti aset bagi industri perbankan juga bertambah baik dengan Nisbah Bersih Pinjaman/Pembiayaan Tertunggak (Non-Performing Loans/Finance) pada kadar 1.3% berbanding dengan 1.6% bagi suku ketiga 2023.

12. Sebaliknya, deposit industri perbankan menurun sebanyak 0.5% tahun-ke-tahun kepada BND15.9 bilion disebabkan oleh penurunan *demand deposits*. Pada masa yang sama, pulangan keuntungan industri perbankan juga menurun dari tahun sebelumnya dengan agregat Nisbah Pulangan kepada Aset (Return on Assets) dan Pulangan kepada Ekuiti (Return on Equity) masing-masing menurun sebanyak 1.9% dan 11.4%.
13. BDCB terus melaksanakan pelbagai sesi perundingan bersama industri dan penglibatan pihak berkepentingan dalam mempromosi rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan yang mengukuhkan kedayatahan dan kestabilan sektor kewangan secara keseluruhan. Selaras dengan komitmen BDCB dalam memupuk ekonomi digital yang dinamik dan menyumbang ke arah negara pembayaran digital, BDCB telah membuat pindaan terhadap Kriteria Pelesenan bagi Perniagaan Pengiriman Wang, yang khususnya memerlukan pemohon-pemohon baharu untuk menghadapi cadangan perniagaan yang inovatif berunsurkan teknologi.
14. Pada suku ke empat 2024, BDCB telah mengeluarkan *Brunei Darussalam Investment Data Supply-Side Survey Reporting Guideline* kepada pengantara pasaran modal berlesen di Negara Brunei Darussalam. Kaji selidik ini merupakan alat bagi kerja-kerja kawal selia dan penyeliaan BDCB, dan bertujuan untuk menilai penyertaan pasaran dan arah aliran dalam sektor pasaran modal. Kaji selidik ini juga akan menyokong inisiatif-inisiatif penyelidikan, menyumbang kepada asas bagi keputusan dasar dan pembangunan pasaran modal di Negara Brunei Darussalam.

Sumber data:

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

International Monetary Fund (IMF)